



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	5 March 2016

UM-5/3/2016

## Amalan politik terdesak – Pejabat PM

**PUTRAJAYA 4 Mac** – Pejabat Perdana Menteri menyifatkan tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengadakan sidang akhbar bersama-sama ‘musuh-musuh politiknya’ hari ini menunjukkan amalan politik terdesak oleh kumpulan tersebut.

Sehubungan itu, jurucakap kerajaan dalam satu kenyataan berkata, Pejabat Perdana Menteri menggesa Dr. Mahathir mengikut proses demokrasi sedia ada serta menunggu untuk pilihan raya seterusnya jika berhasrat untuk menukar kerajaan.

Kata jurucakap tersebut, langkah itu adalah selaras dengan undang-undang Malaysia dan Perlembagaan Persekutuan.

“Telah wujud satu mekanisme untuk menukar kerajaan atau Perdana Menteri yang dipanggil pilihan raya umum.

“Ia adalah satu-satunya mekanisme yang mengikut undang-undang, demokratik dan memenuhi kehendak rakyat,” katanya.

Jurucakap tersebut menambah, pada 2013, rakyat Malaysia telah meluahkan kehendak mereka dengan mengundi kerajaan hari ini yang dipimpin oleh Datuk Seri Najib Tun Razak.